

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR SITI HASMAH BT HAJI MOHD ALI
SEMPENA PELANCARAN "HOME COOKING MAGAZINE"
DI SUNWAY PYRAMID, KUALA LUMPUR
PADA HARI AHAD, 8 NOVEMBER 1998
PUKUL 11.00 PAGI**

Jemputan ini merupakan satu penghormatan bagi saya untuk merasmikan pelancaran "Majalah Home Cooking". Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Kumpulan Panpac Media Sdn Bhd kerana telah mengundang saya ke majlis ini.

2. Tajuk majalah ini, "Home Cooking" mencerminkan seni memasak dan masakan yang dilakukan di rumah.
3. Memasak adalah seni dan sains, dan kenyataan ini benar-benar dihargai oleh setiap wanita secara am dan kaum lelaki yang memilih bidang masakan sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka - pakar memasak dan Chef.
4. Kebudayaan terbentuk dalam pelbagai rupa - seni, muzik, lukisan, senibina dan kesusasteraan. Namun begitu memasak benar-benar menyerlahkan intipati apa juga bentuk kebudayaan. Malahan, ia juga sering menggambarkan unsur-unsur yang terbaik yang dipaparkan setiap lapisan masyarakat dan tradisi.
5. Dari perspektif ini, Malaysia merupakan satu bumi bertuah. Ia dianugerahkan dengan masyarakat dari pelbagai kaum yang terdiri dari bangsa Melayu, Cina, India, Iban, Dayak dan lain-lain.
6. Hasilnya, Malaysia mempunyai berjenis-jenis makanan dan tradisi masakan. Dan kita sebagai rakyat Malaysia pasti menyukai setiap citarasa makanan yang disediakan oleh kaum lain. Ini jelas ditunjukkan melalui tradisi 'Rumah Terbuka' yang diamalkan oleh kita semasa menyambut perayaan masing-masing.

7. Sebagai rakyat Malaysia, kita pasti gemar makanan kita sendiri dan menghargai makanan masyarakat lain. Sesungguhnya Malaysia adalah bumi yang aman dan harmonis dan juga bumi pelbagai makanan.
8. Malahan, tidak keterlaluan kalau dikatakan berbagai-bagai jenis makanan dan perayaan merupakan satu ikatan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di Malaysia.
9. Dalam usaha Malaysia menggorak langkah ke arah negara maju, seni dan sains memasak akan juga mengalami perubahan. Pada masa yang sama kita menyerap tradisi memasak dari negara-negara luar dan dalam proses itu cuba memperbaiki tradisi kita yang asli.
10. Saya dapati "Majalah Home Cooking" dijual dengan harga yang berpatutan dan disertakan dengan logo 'Buatan Malaysia'. Saya mengucapkan tahniah kepada Panpac Media Sdn Bhd kerana usaha mereka menerbitkan majalah yang berkualiti ini.
11. Dari acara yang dirancang, saya dapati tema bagi acara istimewa ini iaitu 'Memasak Sambil Beramal' sungguh menarik di samping acara-acara yang menyeronokkan yang memberi pelbagai makanan kepada rumah-rumah dan institusi-institusi yang bertanggungjawab menjaga anak-anak yatim, kanak-kanak istimewa dan golongan yang kurang bernasib baik.
12. Konsep masyarakat penyayang merupakan unsur penting dalam usaha Malaysia untuk mencapai matlamat wawasan 2020. Saya berbangga bahawa walaupun negara mengalami kemelesetan ekonomi, rakyat Malaysia tidak melupakan kepentingan amal kebajikan. Dalam konteks ini, Panpac Media Sdn Bhd telah memenuhi keperluan ini.
13. Apabila kita memberi sesuatu kepada orang lain, kita sebenarnya berjasa kepada diri sendiri. Sikap beramal adalah sesuatu yang baik dan merupakan sikap kemanusiaan yang mulia. Kita tidak sepatutnya lupa akan nasib orang lain ketika dalam keadaan baik, terutama sekali mereka yang memerlukan bantuan.
14. Saya faham Panpac Media Sdn Bhd menerbitkan banyak majalah yang menyentuh dunia perniagaan, teknologi maklumat, ibu bapa, hiburan dan sukan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan dan kakitangan Panpac Media Sdn Bhd kerana usahanya menerbitkan sebuah lagi majalah yang berkualiti bertajuk "Home Cooking" dan sekaligus menambahkan bilangan majalah dalam senarai penerbitan mereka. Saya juga ucapkan selamat maju jaya pada "Majalah Home Cooking" dalam menaikkan taraf tradisi masakan dan memasak rakyat Malaysia.

15. Di sini saya ingin menggesa pihak penaja dan lain-lain pihak yang hadir di upacara ini untuk meneruskan tradisi penyayang dan amal kebajikan. Saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran "Majalah Home Cooking".
